

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING**  
**[ TAIPING ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 28**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar Malaysia akan mendirikan loji tenaga nuklear yang berisiko tinggi menjelang tahun 2029 dan jika benar, berapakah kos yang akan terlibat.

**JAWAPAN: (OLEH YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan masih belum membuat keputusan tentang pelaksanaan tenaga nuklear di Malaysia. Oleh itu, garis masa terperinci daripada peringkat pra-projek hingga pembinaan loji janakuasa nuklear pertama di Malaysia belum diputuskan.

Mengikut garis masa yang didapati melalui Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) yang masih sedang disiapkan, jika keputusan dibuat pada masa sekarang untuk memulakan kajian penilaian tapak serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan, tarikh paling awal loji janakuasa nuklear pertama boleh mula beroperasi adalah dijangka pada tahun 2030. Namun, keputusan ini belum dibuat.

Keputusan ini hanya akan dibuat selepas mengambilkira hasil-hasil kajian yang sedang disiapkan oleh *Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC)* dengan mengambilkira pandangan rakyat.

Tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) adalah terhadap komunikasi awam mengenai keperluan dan perbekalan tenaga negara, termasuk tenaga nuklear dan sumber-sumber lain.

Penilaian pembiayaan, atau, dengan izin, *financing assessment*, untuk penjanaan kuasa nuklear serta opsyen bagi kaedah pembiayaannya, adalah sebahagian daripada Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*).

Kajian penilaian pembiayaan ini merangkumi aspek kos pembiayaan (*cost of financing*).

Namun, anggaran kos pembiayaan terperinci yang akan terlibat dalam pembinaan loji janakuasa nuklear memerlukan kajian lanjut berdasarkan perkembangan terkini projek-projek loji janakuasa nuklear di dunia.

Anggaran kos yang dinyatakan dalam buku Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi dua (2) unit loji janakuasa nuklear berkeupayaan 1,000 Megawatt setiap satu, di bawah Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), nombor 11 bagi Penggunaan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Elektrik dalam sektor Minyak, Tenaga dan Gas, adalah RM 21.3 billion. Anggaran kos ini adalah berdasarkan kos loji berkenaan sahaja, atau, dengan izin, *overnight cost*, pada masa itu, dan tidak termasuk kos pembiayaan, atau, dengan izin, *cost of financing*. Kos pembiayaan ini bergantung kepada kaedah pembiayaan yang dikaji dalam Kajian Kemungkinan dan hasil kajian penilaian pembiayaan ini akan diambilkira dalam membuat keputusan mengenai projek loji janakuasa nuklear kelak.

Sekian. Terima kasih.